31/8/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

# 2 PEMIMPIN SEALIRAN




■ DARI MUKA 1

sesuai pada masa ini.

Dasar ini diterima oleh rakyat, bukannya meniru bulat-bulat apa yang diamalkan di Jepun dan Korea Selatan, cuma apa yang baik sahaja.

Jepun, umpamanya, di zaman dahulu juga mempelajari dari Barat tetapi mereka berjaya mengekalkan tata susila dan adat kebudayaan yang tinggi hingga kekal ke hari ini.

Itulah sebabnya, pimpinan 2M selalu memberi penegasan terhadap kuat bekerja dan meninggikan produktiviti. Dengan cara inilah sahaja rakyat negara boleh dihormati.

Tidak ada apa yang perlu dibimbangkan kerana negara ini mempunyai segala sumber-sumber yang boleh membantu mencapai apa sahaja yang dihajati. Sekiranya rakyat mengikuti etika kerja yang diharapkan, tidak perlu masa yang begitu panjang, segala-gala berjalan lancar.

Disiplin dalam kerja juga amat penting. Secara tidak disedari, selama ini kita tidur dalam khayalan. Masa dibuang begitu sahaja tanpa mendatangkan faedah.

## Sesuai

Oleh itu, setiap kakitangan Kerajaan pula dikehendaki menggunakan kad perakam waktu. Banyak faedah yang dapat diperolehi darinya. Bukan sahaja kita dapat mendisiplinkan diri malahan juga dapat membantu mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam pelaksanaan projek.

Dengan adanya disiplin inilah, maka dapat kita dengar berbagai penyelewengan dapat didedahkan dan berbagai tugas penting memulihkannya dapat dijalankan. Beberapa agensi Kerajaan yang didapati tidak menguntungkan, ditutup sementara yang mana boleh dibantu terus diberi sokongan.

Untuk mengeratkan jarak perbezaan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, zon waktu mengikut waktu Malaysia Timur diperkenalkan.

Di Semenanjung tidak banyak rungutan mengenainya. Singapura juga mengikuti langkah Malaysia kerana ia adalah dianggap paling sesuai.

Umumnya, sebelum mengorak langkah yang lebih jauh, sikap rakyat harus diubah dahulu. Peranan ini dengan jayanya dicapai oleh pimpinan pentadbiran 2M.

Penggunaan kad perakam waktu bekerja tidak berakhir begitu sahaja. Seterusnya, kita dapat lihat di sebelah kiri baju pemimpin terselit nama masing-masing.

Bagaimana para pemimpin datang mengikuti waktu pejabat dan menggunakan tanda nama itu, nampaknya semua mengikut.

Kalau dahulu kita tidak mengenali antara satu sama lain walaupun dalam sebuah pejabat, tetapi sekarang masalah itu terhapus dengan sendirinya.

Mengenai dasar luar negeri, bolehlah dikatakan tidak ada perkara radikal yang dilakukan.

Kalau adapun cuma sekatan ekonomi yang dilakukan ke atas British.

Walaupun ia dianggap sebagai anti British, sebenarnya ia merupakan satu perimbangan dalam perubahan ekonomi.

Perjuangan Malaysia tidak berganjak dalam setiap apa yang dilakukan berlandaskan konsep Asean.

Paling menyayat hati apa yang kita ketahui baru-baru ini ialah potongan gaji yang dibuat oleh kepimpinan 2M.

Mereka mengorbankan $1,000 setiap seorang demi memperimbangkan kedudukan mereka memandangkan terlalu banyak masalah ekonomi yang timbul.

Potongan gaji tersebut tidaklah dapat membantu ekonomi tetapi yang penting ialah kesedaran mereka untuk menjadi contoh kepada rakyat lain.

Potongan peruntukan belanjawan yang melibatkan $4,000 juta juga dianggap satu langkah yang bijak.

Pentadbiran 2M mementingkan projek-projek keutamaan memandangkan situasi ekonomi dunia sekarang.

Bagaimanapun, projek-projek yang memberi faedah kepada rakyat seperti perumahan, bekalan elektrik dan air tidak terjejas.

Baru-baru ini pula, pinjaman perumahan dan kenderaan dibekukan buat sementara. Langkah ini semua diambil untuk kepentingan semua.

## Pinjaman

Tidak penting juga ialah pengisytiharan harta benda yang harus dikenakan kepada setiap pegawai tinggi Kerajaan.

Ini hanyalah untuk mempastikan bahawa amalan pentadbiran Bersih, Cekap dan Amanah diamalkan.

Dari sudut yang lebih luas, pentadbiran 2M memberi perimbangan yang wajar terhadap semua permasalahan negara.

Dari segi kepentingan Bumiputera hinggalah kepada soal pertahanan.

Dalam apa sekalipun bentuk perubahan yang dilakukan, ia adalah berasaskan hasrat untuk memajukan rakyat negara ini.

Satu perkembangan yang penting ialah ciri-ciri menyerapkan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran yang baru ini.

Bolehlah seimbas pandang kita kaitkan dengan penubuhan Bank Islam tahun depan dan Universiti Islam Antarabangsa di negara ini.

Dengan terdirinya dua institusi penting itu meletakkan agama rasmi Islam sebagaimana perlembagaan menetapkannya terus disanjung tinggi.

Malaysia akan terus subur dan begitu juga rakyatnya akan terus berkembang.

Kesedaran kepimpinan 2M tidak akan mensia-siakan generasi akan datang. Apa yang dilakukan sekarang hanya akan dapat dinilai oleh generasi akan datang. Ia adalah satu perkembangan sejarah yang penting. Di saat-saat Malaysia menuju ke satu tahap yang gemilang.

Walaupun banyak perkembangan terbaru di bawah pimpinan 2M tetapi kita yakin segala-galanya dapat diselesaikan.

Masalah dua imam bersembahyang di masjid menjadi masalah umat Islam dan pentadbiran 2M tentunya tidak teragak-agak mengambil langkah membasmi kegiatan seperti itu dari merebak.

Persoalan mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) oleh kumpulan asing juga harus dijelaskan benar-benar supaya mereka tidak keliru. Sebenarnya, memang tidak ada perkara yang hendak disembunyikan.

Kita pasti, sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem keadilan, tidak siapa yang harus risau sekiranya mereka tidak melakukan sebarang kesalahan.

Bolehlah dikatakan dalam tempoh yang singkat, banyak perkembangan yang wujud di bawah pimpinan 2M.

Kita mengharapkan mungkin ada lagi perubahan yang akan diperkenalkan sesuai dengan keadaan agar rakyat Malaysia benar-benar mampu berdiri atas kaki sendiri.

Bagaimana yang selalu diulangi oleh Datuk Seri Dr. Mahathir, kalau kita mahu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan orang lain, kita mestilah sanggup menerima segala perubahan yang memberi faedah kepada kita.

Pentadbiran 2M berlandaskan konsep Bersih, Cekap dan Amanah. Kalau kita jayakan sebagai yang dikehendaki, segala-galanya akan berhasil.



■ PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) tersenyum mendengarkan sesuatu dari Timbalannya, Datuk Musa Hitam.